



**YAYASAN  
IKHLAS**

Peduli & Prihatin

(PPAB-09/2009)



# 2021

SIRI 12 | 2009-2021

# LAPORAN TAHUNAN YAYASAN IKHLAS

*Rakan Kemanusiaan Pilihan Anda*



“

*Sebaik-baik manusia adalah  
orang paling bermanfaat  
bagi orang lain.*

HR Ahmad

”



# Isi Kandungan

- 2** Ucapan Pengerusi Ahli Lembaga Pemegang Amanah
- 4** Latar Belakang  
Pengenalan, Visi, Misi & Objektif
- 5** Ahli Lembaga Pemegang Amanah
- 6** Panel  
Panel Syariah & Panel Penyelidikan
- 7** Duta Yayasan Ikhlas
- 8** Kakitangan Pengurusan
- 10** Kluster
- 12** Produk Inisiatif
- 14** Pencapaian Tahun 2009-2021
- 16** Aktiviti Sepanjang Tahun 2021
- 26** Lain-Lain

# Ucapan Pengerusi



Prof. Dr.  
**Zainur Rashid  
Zainuddin**

Pengerusi  
Lembaga Pemegang Amanah

**“*Menjadi hasrat kami  
untuk menjadikan Yayasan Ikhlas  
sebagai NGO kemanusiaan bertaraf global  
menjelang 2050.*”**

Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah S.W.T. dengan izin-Nya, Yayasan Ikhlas kini telah memasuki 12 tahun penubuhan. Kami bersyukur kerana dapat terus menyumbang demi kemaslahatan umat. Terima kasih yang tidak terhingga kami ucapkan buat semua penyumbang dan masyarakat kerana terus memberikan sokongan kepada kami untuk terus menerajui isu-isu kebajikan.

Tahun 2021 adalah tahun yang mencabar kepada semua rakyat Malaysia, pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia telah memberi impak yang mendalam terutama golongan berpendapatan rendah. Selain pelbagai golongan yang terjejas, 2021 ini juga telah menutup tirai dengan banjir yang melanda negara terutama Selangor dan Pahang yang memberi kesan mendalam buat semua mangsa yang terjejas. Persiapan awal yang telah dirancang membolehkan Yayasan Ikhlas telah menjadi antara NGO paling awal yang turun ke medan untuk menghulur bantuan.

Selain itu, Yayasan Ikhlas melalui pelbagai projek dan sumbangan masyarakat berjaya menyalurkan bantuan kepada lebih 30,000 penerima manfaat di seluruh tanah air termasuk Sabah dan Sarawak. Antara projek yang sedang berjalan termasuklah Projek Bantu Pesakit Sihat, Tabung Wira COVID, Pek Ikhlas, Pusat Pembelajaran Islam Al-Huda di Semporna, Sabah, Projek Air Bersih, dan Anjung Ikhlas yang menyasarkan bantuan berbentuk jangka panjang.

Selain itu, tahun ini juga menyaksikan kerjasama lebih erat Yayasan Ikhlas dengan pelbagai institusi termasuklah I-Medik, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor serta Kolej Antarabangsa Murni serta Jabatan Kesihatan Negeri-Negeri dan Hospital seluruh Malaysia. Kami juga berhasrat untuk melebarkan lagi bentuk kerjasama strategik dengan pelbagai institusi lain pada tahun hadapan.

Yayasan Ikhlas bercita-cita untuk menjadi salah satu badan NGO terbesar di Malaysia dengan membuka cawangan di seluruh negara supaya kami dapat menyantuni lebih ramai lagi masyarakat di luar sana. Bukan itu sahaja, menjadi hasrat kami untuk menjadikan Yayasan Ikhlas sebagai NGO kemanusiaan bertaraf global menjelang 2050.

***Salam kemanusiaan,  
Salam peduli dan prihatin.***



# Latar Belakang

## Pengenalan

Yayasan Ikhlas adalah sebuah badan yang ditubuhkan mengikut Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 (Akta 258) pada 5 Mac 2009 yang bertujuan untuk meringankan kesusahan di kalangan anak-anak yatim, orang kurang upaya, fakir dan mereka yang dilanda musibah akibat daripada sebarang malapetaka serta untuk memberi suatu biasiswa atau insentif kepada individu atau kumpulan atas kerja-kerja pelajaran atau kerja-kerja penyelidikan di Malaysia.



### Visi

Menjadi sebuah yayasan global yang memberi perkhidmatan tanpa batas waktu dan tempat menjelang 2030.



### Misi

Melaksanakan tanggungjawab kemanusiaan demi agama, bangsa, dan negara.



### Objektif

- ✓ Untuk meningkatkan taraf hidup golongan fakir dan miskin
- ✓ Untuk meningkatkan taraf pendidikan golongan yang kurang berkemampuan; dan
- ✓ Untuk memberi bantuan kepada mangsa-mangsa bencana, yang ditimpa musibah mahupun yang dalam kesusahan.

# Ahli Lembaga Pemegang Amanah



**Prof. Dr. Zainur Rashid  
Zainuddin**

Pengerusi



**Ust. Hj. Mohd Rusdi  
Alias**

Timbalan Pengerusi



**Lt. Kol. Hj. Ridzwan  
Shoib**

Setiausaha



**Hj. Zaim Shaari**

Bendahari



**Hj. Mohd Kamaldin  
Nordin**

Ahli



**Ir. Amran Wahidi  
Abdullah**

Ahli

# Panel

## Panel Syariah

# 2

- Dr. Hj. Mohammad Nidzam Abdul Kadir
- Dr. Hj. Mohd Soberi Awang



*Mengkaji dan memantau penyelarasan semua urusan atau projek yang dijalankan oleh Yayasan Ikhlas agar berlandaskan syariat.*

## Panel Penyelidikan

# 3

- Prof. Dr. Azizi Ayob
- Prof. Madya Dr. Sumarni Ismail
- Dr. Suriani Sudi



*Menyelidiki isu semasa, keadaan ekonomi terkini, dan bencana alam di Malaysia serta luar negara.*

# Duta



**S.S Dato' Hj. Zamri Hashim**  
Timbalan Mufti Perak



**Prof. Madya Dr. Sharifah Sulaiha Syed Aznal**  
Pakar Perunding Obstetrik & Ginekologi



**Dr. Rozanizam Zakaria**  
Pakar Psikiatri dan Pensyarah UIAM



**Dr. Mohd Khairol Jambli**  
Pegawai Perubatan UiTM Cawangan Sarawak



**Datuk Dr. Hj. Mohamed Hatta Mohamed Tarmizi**  
Pakar Perunding Obstetrik & Ginekologi  
Pakar Perubatan Reproduktif



**Prof. Madya Dr. Rafidah Hanim Mokhtar**  
Pengarah Pusat Libatsama Masyarakat dan Jaringan Industri, USIM



**Dr. Murizah Mohd Zain**  
Pakar Perubatan Reproduktif  
Perunding Obstetrik & Ginekologi

# Kakitangan Operasi



**Ir. Hj. Kamaruddin Kassim**  
Pengurus Besar



**Bilal Jailani**  
Timbalan Pengurus Besar

## Ketua Jabatan



**Nur Aiyshah**  
Kewangan & Sumber  
Manusia



**Syafiq Syahmi**  
Operasi



**Muhammad Mustafa**  
Tugas Khas



**Mohd Hatta**  
Media



**Anas**  
Pemasaran Digital

## Pentadbiran, Kewangan & Sumber Manusia



**Norzathul Amani**



**Rabiatul Hasanah**

## Operasi & Tugas Khas



**Arif Anwar**



**Siti Rabiatul Noorjan**


## Media & Pemasaran



**Nur Izatul Firdaus**



**Noor Hafizah**



**Nur Anis Fadhillah**



**Warddatul Amani**

## Cawangan



**Hafeez Morni**  
Kuching, Sarawak



**Hassan Unus**  
Semporna, Sabah

# Kluster

## KOMUNITI

- Bakul Kasih Ramadan
- Pembangunan Sistem Air Bersih
- Pemeraksanaan Ekonomi Wanita Asnaf
- Pek Ikhlas
- Bina & Baik Pulih
- Pusat Komuniti Al-Huda

## PENDIDIKAN

- SDG: English As Second Language
- Pusat Pembelajaran Islam Al-Huda
- Anjung Ikhlas
- Tuisyen Sarawak
- Biasiswa Kecil Pendidikan

## KESIHATAN

- Bantu Pesakit Sihat
- Tabung Wira COVID

## BENCANA

- Tabung Bencana



## **BANTUAN** *[ban.tuan]*

Sesuatu yg diberikan atau dilakukan untuk membantu, pertolongan dan sokongan.

# Produk Inisiatif

Menerima sumbangan Ramadan untuk diagihkan kepada golongan yang daif dan memerlukan dalam meraikan keberkatan Ramadan.



Projek korban dan akikah dilaksanakan di beberapa kawasan yang terdapat keluarga miskin serta daif di dalam dan luar negara.



Sebuah projek kebajikan yang memfokuskan Sabah & Sarawak, terutamanya di kawasan pedalaman dan perkampungan yang mempunyai komuniti saudara baru kita. Ia dijalankan dengan kerjasama beberapa NGO tempatan.



Menyediakan geran penyelidikan, biasiswa serta bantuan peralatan pengajaran dan pembelajaran.



Mengumpul sukarelawan dari pelbagai bidang dan kemahiran bagi melaksanakan misi bantuan kebajikan serta kemanusiaan.



Menyelidiki isu semasa, keadaan ekonomi terkini, dan bencana alam di Malaysia serta luar negara.



Menerima kutipan derma, infaq dan dividen tidak bersih.



Inisiatif membantu dan memberi bimbingan fardu ain dan pembelajaran asas-asas agama serta memudahkan penyaluran zakat kepada golongan muallaf.



Melaksanakan misi kemanusiaan di Kem Pelarian Rohingya di sekitar Cox's Bazar dan Teknaf.




Projek yang menyasarkan sumbangan bantuan di kawasan perkampungan masyarakat Islam di Kemboja yang serba kekurangan.




Membantu dan menyalurkan sumbangan serta menjaga kebajikan dan hak kemanusiaan rakyat Syria.



# Pencapaian Tahun 2021



# Pencapaian 2009-2021



**385,904**  
Penerima Manfaat



**29**  
Agensi Kerajaan  
Menerima Manfaat

# Aktiviti Sepanjang Tahun 2021



## Bakul Kasih Ramadan



Penerima Manfaat

# 7,972



- Asnaf & Fakir Miskin
- Ibu Tunggal
- Anak Yatim
- Mualaf

Yayasan Ikhlas menggerakkan sukarelawan dari 61 kawasan di seluruh Malaysia dengan menjalankan lebih daripada 132 aktiviti bagi menyantuni 7,972 buah keluarga.

## Bina & Baik Pulih

Penerima Manfaat  
(Rumah & Surau)

# 110



2 Buah Rumah  
Asnaf




Baik Pulih Rumah Asnaf di Kg Sibugal & Kg Nelayan Tengah, Sandakan, Sabah. Bahagian yang dibaik pulih adalah dinding, atap, lantai, tingkap & bilik.



1 Buah Surau

Projek ini dilaksanakan di Surau An-Nur, Kg Sentosa Jaya, Sandakan, Sabah. Surau ini telah dibaik pulih dari segi penambahan fasiliti yang selesa bagi melaksanakan kelas pengajian agama dan menjadi pusat komuniti kepada penduduk setempat.

# Anjung Ikhlas



Penerima Manfaat

# 730



pelajar

625 di Sabah

105 di Sarawak

Projek pendidikan kepada mualaf Sabah dan Sarawak yang memfokuskan kepada pengukuhan dan pemahaman Islam merangkumi ilmu Fardu Ain, Akidah, Sirah dan Al-Quran.

# Pusat Pembelajaran Islam Al-Huda



Penerima Manfaat

# 556



Asas pendidikan:

- Al-Quran
- Fardu Ain
- 3M (Membaca, Menulis, Mengira)

•• —————

Pusat pembelajaran Islam secara percuma kepada penduduk asnaf dan anak yatim di Semporna. Kini terdapat dua buah cawangan pusat pembelajaran yang bertempat di Kg Pekan 2 & Kg Kuala Bibang, Semporna, Sabah.

# Tabung Bencana

Penerima Manfaat

# 9,212



## Bencana Banjir



•• —————

Lebih 1420 orang sukarelawan telah terlibat dalam Misi Bantuan Bencana Banjir yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan peringkat umur. Misi ini dilaksanakan di 15 buah kawasan di negeri Selangor, Johor, Kelantan, Pahang, Perak & Kedah.

## Kebakaran



Di Gombak, Karak, Negeri Sembilan, Changkat Lurah, Changkat Jering

## Rumah Roboh



Di Sandakan & Semporna, Sabah

# Bantu Pesakit Sihat



Pesakit

# 85



Bantuan Peralatan:

- Kerusi Roda Khas
- Katil Hospital
- Tongkat
- Alat Bantuan Pernafasan

.. —————

Kami bekerjasama secara langsung dengan Jabatan Kerja Sosial Hospital bagi membantu pesakit yang kurang berkemampuan dari segi peralatan pesakit demi kelangsungan kehidupan mereka.

# Tabung Wira COVID



Agensi Kerajaan

# 12



- Jabatan Kesihatan Negeri
- Jabatan Bomba
- Hospital
- Pusat Kuarantin COVID-19

Sumbangan kepada barisan hadapan yang bertugas bagi menangani pandemik COVID-19. Antara sumbangan yang diberikan adalah set kelengkapan *PPE*, *hand sanitizer*, *facemask N95* dan peralatan perubatan.

# Korban Ikhlas

Penerima Manfaat

# 86,030



## Dalam Negara



Di Sandakan, Keningau, Kota Kinabalu, Semporna, Lahad Datu, Sabah & Ipoh, Perak

Pelaksanaan Korban Ikhlas pada tahun ini dilaksanakan di 6 buah kawasan pedalaman di dalam & luar negara. Kekangan akibat pandemik COVID-19 dapat diatasi dengan kerjasama antara NGO tempatan.

## Luar Negara



Di Aceh, India, Afrika, Bangladesh & Kemboja

# Ejen Kutipan Zakat Lembaga Zakat Selangor



Salurkan zakat anda ke akaun  
Lembaga Zakat Selangor (Yayasan Ikhlas)



**5505 1011 0880**

# Pengecualian Cukai Lembaga Hasil Dalam Negeri



Potongan dibenarkan sehingga:



 **7%**

**INDIVIDU**  
daripada pendapatan agregat

 **10%**

**SYARIKAT**  
daripada pendapatan agregat

# Rakan Kerjasama

(2009-2021)

## Syarikat



## Agensi Kerajaan



## Badan Bukan Kerajaan (NGO)



## Institusi Pendidikan



## Masjid & Surau



## Media



# FILANTROPI *[fi.lan.tro.pi]*

Rasa kasih sayang terhadap manusia,  
kedermawanan.



# Maklumat Akaun

## Akaun Yayasan Ikhlas



**5628 3463 6228**



**8600 601 366**



**1108 0100 1514**



**1210 000 116 5716**



**212 4576 0028 679**

Tabung Qurban Yayasan Ikhlas



**5628 3463 6235**

## Imbas & Sumbang

Kini anda boleh menyumbang dengan mudah!





## **SUKARELAWAN** *[su.ka.ré.la.wan]*

Orang lelaki yang melakukan sesuatu dengan sukarela;  
kesukarelawanan segala hal (sifat, kegiatan dsb)  
yang berkaitan dengan sukarelawan.

Yayasan Ikhlas (HQ)  
No. 27-1-1, Jalan Medan Pusat Bandar 1A,  
Seksyen 9, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor

Pejabat: 03-8926 5954 | Admin: 019-611 5954  
admin@yayasanikhlas.org.my

Ikuti laman sosial kami



Yayasan Ikhlas | [www.yayasanikhlas.org.my](http://www.yayasanikhlas.org.my)